

Berfungsi untuk bertindak segera menimbang perancangan

JKE tangani kemelut ekonomi – Najib

JAWATANKUASA Khas Ekonomi (JKE) yang ditubuhkan kerajaan akan bertindak segera menimbang segala perancangan bersifat serta-merta dan sederhana sehingga kemelut ekonomi yang dihadapi ketika ini reda dan stabil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, antara isu semasa yang akan ditangani oleh jawatankuasa itu termasuklah nilai ringgit, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan serta mengukuhkan keyakinan dalam pasaran modal.

“Penubuhan JKE mengambil kira keadaan semasa dalam menangani dan mengurangkan sebarang impak global ke atas ekonomi sebenar negara. Keputusan untuk mewujudkan JKE adalah berdasarkan keperluan kerajaan membangun dan melaksanakan strategi serta merta dan pelan tindakan bagi memastikan Malaysia terus dalam pertumbuhan,” katanya.

Ketika mengumumkan struktur dan fungsi JKE, baru-baru ini, Najib mengumumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar sebagai Pengerusi JKE.

Najib yang juga Menteri Kewangan mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa khas ekonomi dengan matlamat mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara dalam menghadapi situasi ekonomi global tidak menentu.

Najib menjelaskan, JKE akan melaporkan terus kepada beliau manakala tempoh penubuhannya bersifat terhad iaitu sehingga kemelut ekonomi yang dihadapi ketika ini reda dan stabil.

“Jawatankuasa khas ini akan mengadakan



PENUBUHAN JKE dijangka turut mengambil kira kesan perkembangan ekonomi semasa kepada kos perbelanjaan harian rakyat Malaysia.

mesyuaratnya yang pertama pada awal minggu depan. Selain Abdul Wahid, JKE juga dianggotai oleh ahli ekonomi, tokoh korporat serta beberapa ahli *ex officio* yang terdiri daripada pegawai tertinggi antaranya termasuk daripada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti.

“Pelantikan mereka sebagai anggota JKE telah diberitahu. Mereka akan bermesyuarat berbincang bagi menangani isu-isu dasar, menyelesaikan urusan operasi selain membantu menyelesaikan masalah yang menjadi penghalang kepada pertumbuhan ekonomi,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, JKE akan bermesyuarat setiap minggu atau lebih kerap jika perlu untuk menimbang dan

mencadangkan langkah-langkah segera bagi memastikan Malaysia terus dalam pertumbuhannya.

“Kita juga boleh menjemput sesiapa yang difikirkan patut untuk membuat pembentangan dalam mesyuarat JKE. Jadi sekiranya ada ahli ekonomi daripada mana-mana organisasi yang mempunyai cadangan yang bernas, boleh dijemput untuk berbuat demikian.

“Oleh itu, sekiranya terdapat cadangan yang dibentangkan oleh ahli-ahli ekonomi berkenaan sesuai digunakan maka cadangan tersebut akan dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan kerajaan,” kata beliau.

Beliau berkata, JKE akan diuruskan oleh sekretariat di Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Timbalan Ketua Pengarahnya, Datuk K.



Antara isu semasa yang akan ditangani oleh jawatankuasa itu termasuklah nilai ringgit, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan serta mengukuhkan keyakinan dalam pasaran modal.”

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

Yogeesvaran dilantik sebagai Ketua Sekretariat.

Dalam pada itu, Najib turut memaklumkan bahawa Majlis Ekonomi sedia ada yang dipengerusikan oleh beliau sendiri akan terus berfungsi.

Katanya, Majlis Ekonomi memberi tumpuan kepada isu ekonomi yang menyeluruh antaranya merumuskan strategi mengekalkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan langsung asing dan domestik, mengenal pasti cara mengawal inflasi dan merangka strategi bagi memastikan bekalan mencukupi.

“(Dan) Merangka jaringan keselamatan sosial yang komprehensif untuk melindungi kumpulan berpendapatan sederhana dan rendah,” katanya.